

**SOALAN NO: 506**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**SOALAN:**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah Kerajaan untuk memberi peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan sebelum diambil pekerja asing.**

**PR-1351- T00535**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kebenaran penggajian pekerja asing di negara ini adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di pelbagai sektor dalam negara. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, pada tahun 2016 seramai 1,866,369 juta orang pekerja asing yang telah dikeluarkan permit kerja melalui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dalam lima sektor formal dan satu sektor tidak formal. Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah yang berterusan untuk memastikan peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan diberi keutamaan. Antara langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut :-
  - i. mengetatkan pemakaian syarat yang mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam portal *JobsMalaysia* dan mengambil calon-calon yang sedia berdaftar di dalamnya sebelum permohonan untuk mengajukan pekerja asing boleh dipertimbangkan;
  - ii. menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 sebagai langkah untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan wanita, golongan rentan dan golongan yang tidak mampu untuk bekerja sepenuh masa dalam pasaran kerja secara aktif dan produktif. Peraturan ini mewujudkan fleksibiliti dan waktu kerja yang mesra pekerja.

- iii. melaksanakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di seluruh negara sebagai satu usaha menggalakkan pekerja tempatan terus merebut peluang pekerjaan. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan iaitu karnival kerjaya, temuduga terbuka, kembara kerjaya, kerjasama dengan agensi lain, *Holiday Placement For Students* dan Program Penyesuaian Kerjaya. Ujian Personaliti, Tips Menghadiri Temuduga, Penulisan Resume, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Kerjaya (Ceramah Kerjaya, Klinik Kerjaya, Ikon Kerjaya) adalah antara pengisian di bawah program berkenaan bermatlamat untuk memastikan pencari-pencari kerja dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran masing-masing.
- iv. Pada tahun 2016 JTK telah menjalankan sebanyak 1,818 aktiviti Lawatan Keperluan Gunatenaga. Lawatan ini bertujuan memastikan setiap kosongan jawatan yang wujud dalam negara dapat dikesan. Selain itu, lawatan juga bertujuan untuk menawarkan calon-calon pencari kerja yang telah berdaftar dengan JTK.
- v. seramai 259,767 orang pencari kerja telah berjaya ditempatkan pada tahun 2014, dan seramai 223,967 orang pada tahun 2015. Manakala pada tahun 2016 seramai 176,105 orang pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program-program yang telah dijalankan.